

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**

**DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. DATO' NGEH KOO HAM  
(BERUAS)**

**PERTANYAAN : LISAN**

**TARIKH : 01.11.2016**

**Y.B. DATO' NGEH KOO HAM [ BERUAS ]** minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan sama ada Kerajaan bersedia mengkaji semula perbankan Islam kerana banyak produk-produk yang ditawarkan merupakan transaksi-transaksi rekaan yang tidak wujud/palsu. [Misalnya pinjaman yang menggunakan transaksi-transaksi rekaan/palsu diberikan di bawah "*Commodity Murabahah Term Financing*" dan *Cash Line Financing I* [(3rd Party Financing)].

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 telah menyediakan asas perundangan bagi rangka kerja

pengawalseliaan yang komprehensif untuk industri kewangan Islam di Malaysia. Antara fokus yang dititik beratkan oleh Bank Negara Malaysia adalah pembangunan piawaian Syariah dan operasi untuk kontrak-kontrak Syariah. Piawaian ini menggariskan keperluan Syariah serta menyediakan panduan bagi amalan berhemat dan tadbir urus berkesan untuk setiap kontrak yang digunakan dalam kewangan Islam. Piawaian ini juga bertujuan untuk menggalakkan ketelusan dan keseragaman dalam aplikasi kontrak Syariah bagi meningkatkan kepastian dan mengukuhkan pematuhan Syariah oleh institusi kewangan Islam. Sebanyak 11 piawaian Syariah telah dikeluarkan sehingga kini iaitu piawaian *Murabahah*, *Mudarabah*, *Musyarakah*, *Tawarruq*, *Istisna'*, *Wakalah*, *Kafalah*, *Hibah*, *Qard*, *Wadiah* dan *Ijarah*. Semua keperluan Syariah dalam piawaian Syariah yang dinyatakan di atas telah diputuskan oleh Majlis Penasihat Syariah Bank Negara Malaysia.

Di samping itu, Bank Negara Malaysia turut memberi tumpuan dan penekanan kepada pematuhan Syariah dalam aktiviti penyeliaan yang dilaksanakan bagi memastikan institusi kewangan kekal patuh kepada prinsip-prinsip Syariah.

Di bawah produk pembiayaan yang distruktur berdasarkan konsep

Murabahah komoditi (commodity murabahah), institusi kewangan Islam (IKI) akan membeli komoditi sebenar daripada pembekal komoditi seperti Bursa Suq Al Sila sebelum menjual komoditi yang dimiliki tersebut kepada pelanggan. Seterusnya, pelanggan akan melantik institusi kewangan Islam sebagai wakil untuk menjual aset komoditi yang sama kepada pihak ketiga secara tunai (bersamaan amaun pembiayaan yang dikehendaki). Kedua-dua kontrak jual beli komoditi ini direkod dan didokumenkan oleh IKI yang antara lainnya merangkumi kontrak, perjanjian, dokumen komersil seperti invois, nota penyerahan dan pengesahan perdagangan; dan ia boleh dirujuk sebagai bukti transaksi/jual beli. Kesemua ini ialah keperluan Syariah dan operasi dalam kontrak *Tawarruq* yang telah digariskan oleh BNM dan mesti dipatuhi oleh IKI.

Selain itu, aset yang digunakan sebagai subjek urus niaga *Murabahah* komoditi adalah aset yang diiktiraf Syariah sebagai suatu yang bernilai, boleh dikenal pasti dan boleh diserahkan. Malah, pemilikan aset berkenaan juga boleh dibuktikan melalui sijil yang dikeluarkan. Justeru, kenyataan tentang transaksi rekaan yang tidak wujud atau palsu dalam kebanyakan produk perbankan Islam adalah tidak tepat.